

21 FEB 1997

Mahathir-Deng

MAHATHIR SIFATKAN DENG PEMIMPIN BERWAWASAN YANG BERANI

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi penghormatan kepada pemimpin agung China Deng Xiaoping yang disifatkannya sebagai arkitek utama pemodenan dan pelopor dasar pintu terbuka negara itu.

Dr Mahathir berkata Deng juga merupakan pemimpin yang bertanggungjawab meningkatkan peranan China dalam mengekalkan keamanan dan kestabilan dunia.

Beliau menganggap kematian Deng sebagai "bukan sahaja kehilangan besar kepada China tetapi juga dunia" dan berkata Deng amat dihormati kerana usaha-usahanya itu.

Katanya pendekatan inovatif Deng dalam membangunkan China melalui doktrin sosialisme yang berlandaskan ciri-ciri tempatan, wawasan berani dan kepimpinan cemerlang beliau menjadi asas kepada pertumbuhan ekonomi China yang dinamik.

"Ekonomi China yang berkembang hari ini menjadi bukti kepada dasar pragmatik beliau yang memberikan kejayaan besar," katanya dalam perutusan takziahnya kepada Perdana Menteri China Li Peng yang dikeluarkan Wisma Putra hari ini.

"Saya berasa sedih mendengar kematian pemimpin besar anda, Deng Xiaoping," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata: "Lawatan beliau ke luar negara menghasilkan hubungan yang lebih erat terutama dengan negara-negara jiran di rantau Asia Timur."

Rakyat Malaysia masih mengingati lawatan beliau ke negara ini pada bulan November 1978 yang membuka jalan ke arah hubungan dua hala dan kerja sama lebih erat di antara Malaysia dan China, katanya.

"Ketika rakyat China menangisi pemergian beliau, saya ingin menyampaikan bagi pihak kerajaan Malaysia dan rakyatnya rasa simpati yang mendalam dan takziah terhadap keluarga beliau."

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, dalam suratnya kepada Naib Perdana Menteri yang juga Menteri Hal Ehwal Luar China Qian Qichen turut memuji Deng kerana sumbangan besar beliau kepada China di samping memberi jalan kepada reformasi pemodenan ekonomi negara itu.

Beliau berkata sebagai seorang negarawan ulung, Deng telah memberi sumbangan penting terhadap keamanan serta kestabilan di rantau ini dan antarabangsa.

"Kehilangan beliau amat terasa bukan sahaja di kalangan rakyat China tetapi turut dirasakan seluruh dunia.

"Terimalah ucapan takziah ikhlas ini di atas pemergian Deng Xiaoping. Saya amat terharu menerima berita pemergiannya dan sampaikan simpati ikhlas daripada saya untuk keluarga beliau," kata Abdullah. -- BERNAMA

ES HJ RON